



SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

CUACA PANAS DAN KERING – LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA

20 MAC 2020, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar (JAS) memaklumkan bahawa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan wabak Covid-19 dan cuaca panas dan kering ketika ini, orang ramai adalah **DILARANG** melakukan pembakaran terbuka. pesalah yang melakukan pembakaran terbuka yang dijumpai di tempat kejadian boleh ditangkap.

Mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 29(A) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

JAS akan terus membuat rondaan harian ke kawasan yang berisiko tinggi berlakunya insiden pencemaran (hotspot) walaupun negara sedang di dalam situasi kawalan pergerakan akibat dari wabak Covid-19. JAS juga ingin memaklumkan bahawa dalam tempoh bekerja dari rumah ini, stesen pengawasan kualiti udara adalah beroperasi biasa dan data

Indeks Pencemar Udara (IPU) boleh didapati di laman sesawang JAS iaitu <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di Android 'Google Play' dan Apple 'App store'.

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web JAS pada jam 1 petang hari ini menunjukkan 18 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 50 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan tiada kawasan mencatatkan bacaan status kualiti udara pada tahap tidak sihat.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727.

-TAMAT-

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

Puan Mashitah Binti Darus
Pengarah Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar
Emel: md@doe.gov.my

Encik Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Alam sekitar Putrajaya
Emel: sharudin@doe.gov.my

Dikeluarkan pada 20 Mac 2020, 2.00 petang.

